

Newspaper	Berita Harian
Date	8 July 2015

98,688 peneroka FELDA terima duit raya, dividen

» FGV bayar RM900 seorang bagi kumpulan terpilih

Oleh Iffwan Tun Tuah
iffwan@bh.com.my

► Simpang Pertang



Najib diiringi Mohamad (tiga dari kiri) dan Mohd Isa (kanan) menyampaikan replika cek dividen dan sumbangan duit raya kepada Ketua Peneroka Kebangsaan, Samsudin Othman (dua dari kanan) sempena Program Ihya Ramadan Warga FELDA di FELDA Pasoh 4, Jelebu, semalam.

(FOTO: DZULKEFLI MUSTAPHA/BH)

Seramai 98,688 peneroka FELDA di seluruh negara akan menerima duit raya dan pembayaran dividen pelaburan FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) sebanyak RM900 setiap seorang, mulai 13 Julai ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Naj Razak, berkata bayaran yang akan diterima oleh kumpulan peneroka terpilih itu diharap dapat mengurangkan beban kewangan untuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

Tradisi beri duit raya "Saya hendak teruskan tradisi memberi duit raya kepada peneroka. Bagaimanapun, duit raya dan dividen hanya diterima oleh 98,688 peneroka yang bersama FELDA, manakala bagi yang tidak bersama kita (FELDA) tidak mendapat

keistimewaan ini.

"Sejumlah RM29.6 juta diperuntukkan bagi sumbangan duit raya, manakala RM59.2 juta lagi bagi bayaran dividen. Walaupun saham FGV jatuh sedikit kebelakangan ini, peneroka tetap menerima dividen," katanya.

Peneroka yang tidak bersama FELDA (bejumlah 13,947 orang) ialah mereka yang tidak menanam semula bersama FELDA atau tidak menghantar hasil ladang kepada FELDA, berurus niaga tanah tanpa kebenaran dan menyaman FELDA.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Ihya Rahmat Ramadan Warga FELDA bersama Perdana Menteri peringkat Kebangsaan 2015 di FELDA Pasoh 4 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek; Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd isa Abdul Samad.

Pembayaran dividen itu, termasuk dividen awal 6 sen sesaham dan dividen akhir sebanyak 4 sen sesaham.

Mengulas mengenai FGV, Perdana Menteri berkata, pihaknya mengenal pasti langkah pembukaan tanah pertanian baharu sebagai kaedah yang boleh meningkatkan prestasi syarikat berkenaan.

Buka ladang di luar negara Katanya, FELDA merancang membuka ladang di luar negara yang mampu memberikan hasil berganda. Antara yang dipertimbangkan adalah 420,000 hektar tanah di Papua, Indonesia (melalui pengambilalihan syarikat PT Eagle High Plantations).